



**SULTAN IBRAHIM SULTAN ISKANDAR dan Tunku Ismail Sultan Ibrahim berkenan bergambar bersama peserta Kembara Mahkota Johor (KMJ) di Istana Pasir Pelangi, Johor Bahru, Johor, semalam. - BERNAMA**

# KMJ disertai pelbagai kaum

**Oleh MOHAMAD FAIZAL HASHIM**

pengarang@utusan.com.my

**JOHOR BAHRU 8 Ogos** - Kembara Mahkota Johor (KMJ) 2015, iaitu edisi ke-18 penganjurannya yang bermula Isnin ini mempunyai keunikan tersendiri kerana disertai pelbagai kaum sepanjang siri jelajah selama empat hari itu.

KMJ 2015 akan diketuai Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar dan disertai Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail serta anakanda baginda yang lain, kerabat diraja, ahli Jumaah Diraja, pegawai kanan kerajaan serta 10 wakil daripada kaum Cina dan India.

Selain itu, tarikan lain sepanjang siri jelajah tersebut adalah pameran tentang Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor yang akan diadakan di setiap daerah.

Sultan Ibrahim bertitah, rakyat negeri ini akan diterangkan tentang peranan dan fungsi yaysan tersebut yang dijangka beroperasi sepenuhnya pada tahun depan.



“Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor ini akan bertindak sebagai pemudah cara dengan memberi bantuan khidmat kaunseling dan pemulihan. Insya-Allah Tunku Laksamana, Tunku Abdul Jalil akan hadir ke daerah terlibat sekiranya dia sihat.

“Di setiap daerah, kita ada membuat pungutan dana untuk Yayasan Kanser Tunku Laksamana dan disasarkan berjaya mengumpul lebih RM20,000. Yayasan ini dijangka memulakan operasi pada tahun depan,” titah baginda selepas Majlis Pra Pelancaran KMJ 2015 di Istana

Pasir Pelangi di sini hari ini.

Yang turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan negeri, Datuk Tee Siew Kiong dan Setiausaha kerajaan negeri, Datuk Ismail Karim.

Dalam pada itu Ismail berkata, sempena KMJ 2015 kali ini, Sultan Ibrahim berkenan supaya kebanyakan acara sukan yang diadakan adalah sukan tradisional bagi tujuan memperkenalkannya semula kepada generasi baru.

“Pelbagai program menarik diarturkan di setiap daerah termasuk sukan tradisional seperti batu seremban, congkak, capteh, tarik upih dan galah panjang yang akan melibatkan peserta KMJ serta pengamal media,” katanya.

Mengulas perjalanan jelajah berkenaan, Ismail berkata, pada hari pertama, kedua dan keempat, Sultan Ibrahim akan menggunakan motosikal berkuasa tinggi jenis Harley Davidson Street Glide manakala pada hari ketiga baginda memandu sendiri bas mewah, Prevost Mara-